

Anugerah Inovasi ICT (AIICT) Pengurusan

2015

UNIMAS

APAKAH AIICT PENGURUSAN?

- ▶ Anugerah Inovasi ICT Pengurusan adalah bertujuan mengiktiraf usaha inovasi dan kreativiti di dalam meningkatkan kecekapan urusan kerja atau sistem penyampaian.
- ▶ Pengiktirafan ini diberi kepada pasukan yang terlibat iaitu PTj sebagai pemilik sistem (*system owner*) atau pengguna utama dengan kerjasama PKTMK sebagai pembangun sistem.
- ▶ Pemenang anugerah ini adalah berdasarkan usaha berterusan PTj dalam menjana idea kreatif dan pengurusan kerja yang cekap dan sistematik dengan mengaplikasikan teknologi ICT yang dibangunkan.

OBJEKTIF AIICT PENGURUSAN

Objektif AIICT Pengurusan adalah untuk:

1. memberi pengiktirafan kepada hasil kerjasama inovasi ICT yang dipraktikkan di antara PTj dan PKTMK;
2. memupuk dan menyemarakkan budaya ICT yang kreatif dan inovatif dalam pengurusan bagi meningkatkan produktiviti, kecekapan dan kepuasan pelanggan; dan
3. memperkenalkan dan menyebarkan proses kerja yang boleh dicontohi oleh PTj lain.

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

Syarat-syarat penyertaan adalah seperti berikut:-

1. AIICT Pengurusan boleh disertai oleh mana-mana PTj; selaku pemilik sistem yang berkolaborasi dengan PKTMK melalui satu projek inovasi;
2. Satu PTj dibenarkan menghantar lebih dari satu (1) penyertaan;
3. Sistem yang dicadangkan hendaklah digunakan (*live*) pada tahun **2014** atau **2015**;
4. Penyertaan dalam AIICT Pengurusan hendaklah disokong oleh Ketua PTj; dan

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

5. Inovasi yang dihasilkan hendaklah memberi faedah yang jelas dari segi meningkatkan produktiviti, kecekapan dan kepuasan pelanggan PTj.

Inovasi-inovasi berikut **tidak layak** untuk menyertai AIICT Pengurusan:

1. Inovasi daripada hasil penyelidikan dan pembangunan R&D yang tiada kaitan dengan peningkatan kualiti dan produktiviti PTj;
2. Inovasi untuk tujuan komersial; dan
3. Inovasi yang telah memenangi anugerah AIICT Pengurusan sebelum ini.

LIMA (7) KRITERIA PEMILIHAN DAN PEMBAHAGIAN MARKAH

Kriteria	Markah
Kreativiti	25
Signifikan	20
Efisien	20
<i>Replicability</i>	20
Potensi Pelaksanaan	5
Keberkesanan Kos	5
Komitmen Pengurusan Atasan	5
Jumlah keseluruhan	100

FORMAT LAPORAN AIICT PENGURUSAN

Laporan Inovasi terdiri daripada tiga (3) bahagian. Penulisannya hendaklah dihasilkan dalam Bahasa Melayu dan mengandungi perkara-perkara berikut:

BAHAGIAN A : Ringkasan Eksekutif

– Menerangkan tentang projek inovasi serta usaha dalam menjayakan penggunaan sistem, sekurang-kurangnya dalam 100 hingga 200 patah perkataan.

FORMAT LAPORAN AIICT PENGURUSAN

BAHAGIAN B : Maklumat Umum

- 1.** Maklumat ringkas mengenai pihak yang memperkenalkan inovasi;
- 2.** Penerangan mengenai inovasi yang diperkenalkan, objektif, tempoh pelaksanaan sama ada secara penuh atau percubaan dan lokasinya;
- 3.** Penerangan ringkas mengenai kedudukan sebelum inovasi dilaksanakan; dan
- 4.** Penerangan ringkas mengenai kedudukan selepas inovasi dijalankan.

FORMAT LAPORAN AIICT PENGURUSAN

BAHAGIAN C: Penerangan Inovasi

1. Penerangan mengenai inovasi menurut bab-bab berikut beserta bukti:

i. Kreativiti

Inovasi yang diperkenalkan hendaklah kreatif sama ada yang baru atau telah diadaptasi.

ii. Signifikan

Terdapat bukti yang nyata inovasi dapat memberi faedah yang jelas kepada peningkatan kualiti dan produktiviti organisasi.

iii. Efisien

Terdapat bukti yang nyata inovasi dapat menyumbang kepada cara bekerja yang lebih cekap, cepat, tepat dan mudah.

FORMAT LAPORAN AIICT PENGURUSAN

BAHAGIAN C: Penerangan Inovasi

iv. *Replicability*

Terdapat bukti inovasi boleh diguna pakai oleh agensi-agensi dan pihak-pihak lain secara terus atau dengan diubahsuai mengikut keperluan

v. Keberkesanan Kos

Terdapat bukti yang nyata inovasi dapat meningkatkan produktiviti hasil kerja organisasi dengan kos yang sama atau lebih rendah.

vi. Potensi Pelaksanaan

Terdapat bukti inovasi telah berjaya dilaksanakan sama ada secara penuh atau percubaan dan mencapai matlamat ianya diperkenalkan.

vii. Komitmen Pengurusan Atasan

Terdapat bukti yang jelas mengenai penglibatan kepimpinan dan sokongan pihak pengurusan atasan dalam menghasilkan inovasi

FORMAT LAPORAN AIICT PENGURUSAN

BAHAGIAN C: Penerangan Inovasi (sambungan)

2. Gambar-gambar berwarna inovasi beserta dengan tajuk;

- ✓ Bersaiz 3R
- ✓ Minimum 4 keping
- ✓ Sekurang-kurangnya 1 bahan bukti sebelum inovasi dan 1 bahan bukti selepas inovasi (contoh statistik, carta alir, gambar dsb.).

FORMAT LAPORAN AIICT PENGURUSAN

3. Minimum 1 salinan (*hard copy*) dan 1 salinan (*soft copy-pdf format*) laporan perlu dihantar untuk satu projek inovasi.
4. Format penulisan laporan inovasi adalah seperti berikut:
 - ✓ Jenis Font – *Times New Roman* atau *Century Schoolbook*
 - ✓ Saiz Font – 11

TATACARA PERMOHONAN

1. Semua PTj adalah dipelawa untuk menyertai pertandingan AIICT Pengurusan 2015. Permohonan penyertaan hendaklah dilakukan oleh Ketua Kumpulan yang terdiri daripada pemilik sistem (PTj) dengan mengisi borang penyertaan yang disediakan.
2. Format penulisan hendaklah menepati format laporan AIICT Pengurusan. Kriteria pemarkahan adalah berdasarkan lima(7) kriteria pemilihan bagi AIICT Pengurusan.

TATACARA PERMOHONAN

3. Borang Permohonan bersama-sama laporan penulisan hendaklah dihantar kepada urusetia seperti di bawah sebelum atau pada **4 Februari 2016.**

Hjh Majina Hj Sulaiman

Pusat Khidmat Teknologi Maklumat dan Komunikasi

(Tel: 082-583846 Faks : 082-665147)

Email: smajina@unimas.my

TATACARA PERMOHONAN

4. Perakuan Pemenang oleh Panel Penilai AIICT Pengurusan 2015 kepada Panel Hakim akan dimaklumkan semasa Majlis Anugerah Gemilang UNIMAS (MAGU) 2016.
5. Keputusan Panel Hakim adalah **muktamad**.